

EDISI HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA

E-BULLETIN

EDISI 11

TAN SHZE PEI
EB BSN TERBAIK
MYBILL SDN BHD
(NUSA BISTARI)

PENGENDALIAN
P.O.S TERMINAL

TIP & PANDUAN
TINGKATKAN JUALAN
KEDAI RUNCIT

SELAMAT MENYAMBUT
HARI KEBANGSAAN &
HARI MALAYSIA 2022

PERADUAN HARI
KEBANGSAAN 2022!



Edisi Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022

KANDUNGAN

Kata-Kata Ketua Jabatan	3
Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022	4
Cerita EB BSN	5
Info Am EB BSN	6
Tips & Panduan	11
Mesej Keselamatan	12
Ucapan Hari Kebangsaan EB BSN	13
Cegah COVID-19	14
Promosi	15
Program & Aktiviti	16
Peraduan EB BSN	17



Kata-Kata Ketua Jabatan

Bersama Menyambut Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia 2022

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita zahirkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan nikmat kemerdekaan dan kemajuan kepada kita semua.

Walaupun banyak usaha kesedaran daripada pihak berwajib, masih terdapat di antara kita yang kurang faham serta tidak menghayati maksud sebenar Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Kemerdekaan membawa erti berbeza bagi setiap individu. Apa yang pasti, tarikh-tarikh keramat 31 Ogos dan 16 September bukan hanya sekadar hari untuk rakyat Malaysia bercuti dan berkumpul menyaksikan perarakan dan persembahan, tetapi merupakan hari memperingati pengorbanan pahlawan negara yang berjuang mencapai kebebasan daripada cengkaman penjajah yang menjajah negara kita sejak 1782 hingga 1957.

Satu cara kita dapat membalas dan menghargai pengorbanan mereka ialah dengan terus mengekalkan keharmonian negara yang tercinta. Hari ini, perpaduan dan persefahaman perlu terus kukuh bagi memastikan kejayaan demi kejayaan akan dapat dicapai bagi membolehkan kita terus berdaya saing di mata dunia.

Sebagai bank yang menitik beratkan inklusiviti daripada seluruh lapisan masyarakat di seluruh negara, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Ejen Bank BSN (EB BSN) bersatu berganding bahu memberikan khidmat perbankan terbaik bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan.

Selamat menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia!

Zarida Jean Noordin
Ketua Jabatan Deposit dan Pembayaran BSN



Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022

Ejen Bank BSN (EB BSN) Dipertingkatkan Untuk Kemudahan Masyarakat

BSN terus menyokong agenda rangkuman kewangan melalui inisiatif perbankan ejen yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020.

Sejak inisiatif perbankan ejen dilaksanakan pada tahun 2012, Malaysia telah mencapai tahap rangkuman kewangan atau “*financial inclusion*” yang lebih tinggi. Kini, hampir keseluruhan mukim yang mempunyai penduduk melebihi 2,000 orang telah mendapat kemudahan atau akses kepada perkhidmatan perbankan asas. BSN memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda ini melalui khidmat perbankan ejen yang diperkenalkan kepada masyarakat pada 27 Januari 2012.

Di bawah inisiatif ini, BSN telah melantik EB BSN yang terdiri daripada pemilik-pemilik premis perniagaan runcit, ejen syarikat telekomunikasi dan juga pemilik stesen minyak di seluruh Malaysia. Bermula dengan hanya 200 lokasi dan lima perkhidmatan perbankan, kini jumlah EB BSN telah meningkat kepada 2,730 yang beroperasi di seluruh negara.

Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, BSN berbesar hati menyeru seluruh warga EB BSN untuk bersama-sama mengambil semangat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia untuk bersatu-padu dan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.



“Usahawan mestilah bertindak proaktif dan bijak dalam menangani masalah”

Saya Tan Shze Pei, berumur 30 tahun, pemilik MyBill Nusa Bistari yang menjalankan perniagaan perkhidmatan pembayaran bil di negeri Johor.

Pada awal pengenalan kepada perkhidmatan EB BSN sekitar tahun 2012, saya mendapat tahu bahawa BSN ada menyediakan peluang kepada peniaga kecil untuk menjadi ejen kepada BSN untuk memberi perkhidmatan pembayaran bil. Setelah memahami dan meneliti tawaran perkhidmatan ejen perbankan, saya membuat keputusan untuk menerima tawaran ini kerana ganjaran komisen yang diberikan bagi setiap transaksi yang dilakukan oleh pelanggan sangat tinggi dan menarik.

Keputusan saya untuk menjadi EB BSN merupakan satu keputusan yang tepat dan menguntungkan kerana setelah menjadi ejen sah BSN, pihak BSN telah memberi sokongan dan tunjuk ajar yang baik serta mereka juga membekalkan bahan promosi seperti risalah, bunting, sepanduk dan sebagainya untuk diletakkan di premis perniagaan saya bagi mempromosi dan menarik perhatian pelanggan.

Semenjak menjadi EB BSN, banyak perubahan yang berlaku pada perniagaan saya seperti pelanggan lebih ramai dan yakin untuk membuat pembayaran bil di kedai saya. Pendapatan jualan hasil daripada komisen sedikit sebanyak telah membantu untuk menaik taraf premis perniagaan saya.

Pada pendapat saya, untuk menjadi usahawan yang berjaya, usahawan itu mestilah bertindak proaktif dan bijak dalam menangani masalah.





Carta EB BSN Prestasi Terbaik Negeri

EB BSN

	TERENGGANU – ANZ BERKAT MAJU ENT.		SABAH – JOM SINGAH JERICHO
	JOHOR – MYBILL SDN. BHD. (NUSA BISTARI)		SARAWAK – FOOK ANN ENTERPRISE
	PAHANG – BASHARUDDIN ENTERPRISE		MELAKA – WISE OFFICE SUPPLIES
	PERAK – PANDA MARKETING SDN BHD		NEGERI SEMBILAN – YASRI BIN BAKRI
	KELANTAN – PANJI REZEKI SDN BHD		SELANGOR – DE KG JAROM MINI MARKET
	P. PINANG – MOHD NADZRI BIN OTHMAN		KUALA LUMPUR – LE MYRA ENTERPRISE
KEDAH	/	PERLIS – 75 TC SMART ENTERPRISE	

Kelebihan Menjadi EB BSN



Daya tarikan pelanggan ke premis EB BSN kerana pelanggan boleh melakukan transaksi perbankan di sini seperti pembukaan akaun, pembelian BSN SSP, pengeluaran tunai dan sebagainya.



Pendapatan tambahan atas upah transaksi kepada ejen yang dilakukan oleh pelanggan seperti pembayaran bil, tambah nilai prabayar dan sebagainya.



Menyediakan perkhidmatan tambahan seperti perkhidmatan perbankan berbanding pesaing yang hanya menjalankan perniagaan barang runcit.



BSN membantu dalam membuat iklan dan promosi berkaitan EB BSN menerusi media sosial dan Cawangan BSN.



Jenama bank yang memberi reputasi baik kepada perniagaan EB BSN dalam kalangan pelanggan.



Memahami Pengubahan Wang Haram

Setiap EB BSN, perlu mengambil tahu tentang aktiviti-aktiviti yang bercanggah dan salah dari segi undang-undang seperti pengubahan wang haram.

Pengubahan wang haram ialah satu cara penjenayah:

1. Memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, mengubah, menukar, membawa atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram.
2. Dalam melakukan aktiviti pengubahan wang haram, penjenayah-penjenayah akan melakukan perkara-perkara berikut:
 - Menyembunyikan sumber hasil, pendapatan dan kekayaan mereka;
 - Melindungi dan menyembunyikan aset – aset yang diperolehi daripada hasil aktiviti haram daripada disyaki oleh pihak berkuasa; dan
 - Menyembunyikan maklumat bahawa mereka mengawal dan menguruskan hasil aktiviti haram. Ini bagi menghilangkan sebarang jejak bukti berlakunya aktiviti-aktiviti jenayah.

Berikut merupakan antara contoh transaksi yang mencurigakan yang mungkin akan dilakukan di premis anda.

1 Kemasukan deposit yang besar oleh seorang pelajar.

3 ‘Trend’ transaksi yang tidak setara dengan profil pelanggan.

2 Kemasukan dan pengeluaran wang yang kerap bagi akaun individu.

4 Deposit ke dalam akaun yang telah lama tidak aktif.

Bagaimana EB BSN Boleh Bantu Mencegah Pengubahan Wang Haram?

Ejen perlu mengambil langkah munasabah untuk meneliti profil pelanggan dan tujuan transaksi yang ingin dilakukan.

Ejen perlu segera melaporkan kepada pihak bank atau pihak berkuasa tentang urusan mencurigakan yang dilakukan oleh pelanggan.



Sokongan Operasi

Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, sila hubungi talian helpdesk kami.

EB BSN

EB BSN Helpdesk
1-800-88-5220

Pelanggan

Khidmat Pelanggan
1-300-88-1900

Operasi P.O.S Terminal



Cara-Cara Menukar / Memasang Receipt Roll



- 1 Tarik penutup resit pada peranti P.O.S terminal dengan perlahan.
- 2 Keluarkan / masukkan resit baharu
- 3 Tutup penutup resit pada P.O.S terminal dengan sempurna.
- 4 Tekan butang buka / on untuk menggunakan peranti P.O.S terminal.

Cara-Cara Pembayaran Bil dengan Kad BSN





Cara-Cara Pembayaran Bil dengan Tunai



Cara Menarik Minat Pelanggan dan Meningkatkan Jualan Perniagaan Kedai Runcit

Inovasi, perkhidmatan individu dan penambahan nilai adalah penting untuk meningkatkan jualan kedai runcit dalam menghadapi persaingan sengit. Jadi anda perlu menggunakan strategi untuk membantu meningkatkan jualan kedai runcit anda.

Nak tahu cara tingkatkan jualan perniagaan anda? Jom baca selanjutnya!



1. Gunakan Facebook Group untuk bina komuniti bagi perniagaan anda

Facebook Group semakin popular sehingga Facebook sendiri mengutamakan tab *Group*, yang akan muncul sebagai cadangan berdasarkan penglibatan (*like*, *comment*, dan lain-lain) pengguna Facebook.

Gunakan kelebihan Facebook Group ini, anda hanya perlu buat carian komuniti di kawasan kedai anda dalam Facebook dan sertai *group* komuniti tersebut.

Tetapi ingat, Facebook Group tidak sesuai untuk *hard sell*, tetapi sesuai untuk *soft sell*.

Hard sell ialah cara menjual dengan menggunakan bahasa yang seolah-olah memaksa bakal pelanggan anda untuk membeli barang anda.

Sebaliknya, menggunakan bahasa yang lebih kepada cara bercerita, seolah-olah anda tidak sedang menjual sesuatu produk.

2. Gunakan Pelbagai Saluran Jualan

Bagaimana cara untuk membeli barang anda?

Berikan pelanggan anda pelbagai cara untuk membeli daripada anda. Contoh saluran jualan:

- Penghantaran barang (*delivery* seperti Grab, Lalamove, Food Panda dan lain-lain).
- Pesanan barang melalui Whatsapp / Facebook dan pelanggan ambil sendiri (*pick-up*) atau hantar sendiri ke tempat pelanggan menggunakan perkhidmatan penghantaran sendiri atau Grab, Lalamove dan lain-lain.



Ini membolehkan anda mendapat lebih banyak pesanan daripada pelbagai jenis pelanggan di mana sahaja mereka berada.

Cara Menarik Minat Pelanggan dan Meningkatkan Jualan Perniagaan Kedai Runcit (sambungan)



3. Daftar perniagaan anda melalui Google secara percuma dengan Google My Business

Google My Business ialah servis percuma yang membantu anda menguruskan profil anda dalam Google. Ianya bagi direktori online bagi bisnes lokal.

Jika anda daftar untuk profil Perniagaan dalam Google, perniagaan anda akan terpapar dalam Google Maps and Google Search, dua fungsi utama yang orang ramai gunakan zaman ini untuk mendapat maklumat lanjut mengenai sesuatu perniagaan.

Anda juga boleh menambah *customer loyalty* bisnes anda melalui ciri *review* dalam Google My Business. *Review* oleh pelanggan anda mampu membina kredibiliti untuk jenama anda.

Antara butiran yang anda boleh berikan dalam profil bisnes anda ialah:

- Nombor telefon
- Arah ke kedai anda
- Link laman web
- Hari dan waktu operasi
- Gambar kedai dan/atau produk anda



AWAS!
JANGAN MUDAH
TERPEDAYA!

JANGAN:

- Jangan sesekali dedahkan maklumat akaun, PIN atau TAC anda.
- Jangan jawab e-mel/panggilan daripada pihak yang tidak dikenali.

SENTIASA:

- Sentiasa dapatkan maklumat daripada institusi kewangan anda.
- Sentiasa periksa sumber dan biasakan diri mengesahkan info melalui laman web atau laman sosial rasmi Bank.

Gambar sekadar ilustrasi



Ucapan Hari Kebangsaan 2022

Ucapan Hari Kebangsaan EB BSN

USelamat menyambut Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Semoga semangat patriotik tidak luntur di dalam jiwa anak Malaysia.



EB BSN Amni Wahyuni
Enterprise, Selangor

USelamat Hari Merdeka! Semoga Negara kita terus makmur dan maju ke hadapan.



EB Indah Bunian Enterprise,
Melaka

USaya mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan buat seluruh rakyat Malaysia. Dan mendoakan agar Malaysia akan terus aman dan makmur.



EB Jin Han Trading, Sarawak

USelamat Hari Kemerdekaan dan Selamat Hari Malaysia buat rakyat Malaysia!



EB LN Collection, Sarawak

USelamat menyambut Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Semoga Malaysia terus maju dan makmur, rakyat dapat hidup dengan aman tanpa mengira bangsa agama dan parti politik



EB BSN Semat Trading,
Pulau Pinang

USemoga dengan nikmat kemerdekaan ini keharmonian semua bangsa terus utuh diperlihara serta sama-sama saling hormat menghormati agar Malaysia terus aman dan makmur serta mencapai kemajuan agar dipandang tinggi oleh dunia.



EB BSN BNE Penadah Trading, Pahang

USemoga Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang disambut pada tahun ini dapat memberikan manfaat kebaikan lebih baik, terutamanya dalam aspek memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum.




EB BSN Pusat Ekonomi Digital
Keluarga Malaysia Felda Soeharto,
Selangor

USelamat menyambut hari kemerdekaan ke-65 negaraku tercinta. Malaysia negara terbilang dan gemilang, perpaduan berbilang kaum di Malaysia merupakan tunjang kemajuan negara. Semoga Malaysia terus maju dan aman. Kami bangga menjadi anak Malaysia!



EB BSN Afhan TJ Enterprise,
Selangor





Cegah COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin terus mengingatkan semua individu perlu mengamalkan kaedah TRIIS sebagai kebiasaan baharu semasa fasa ‘peralihan ke endemik’ ini.

Lakukan ujian kendiri:

- I. Sekiranya bergejala
- II. Sekiranya mengesyaki telah dijangkiti virus COVID-19
- III. Sebagai saringan untuk langkah berjaga-jaga

Apakah kaedah ‘TRIIS’ ?

The infographic illustrates the 5 steps of TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, Seek) against a purple background. Each step is accompanied by an icon and a brief description.

- 1 Test (Uji)**: Shows a COVID-19 test kit. Description: Segera lakukan ujian pengesanan COVID-19 secara kendiri sekiranya mengalami gejala jangkitan seperti hidung berair, demam atau batuk.
- 2 Report (Lapor)**: Shows a smartphone. Description: Laporkan keputusan ujian pengesanan kendiri (negatif, positif, atau tidak sah) secepat mungkin di aplikasi MySejahtera.
- 3 Isolate (Asing)**: Shows a house with people inside. Description: Lakukan pengasingan kendiri dengan segera dan berdisiplin sekiranya anda positif COVID-19. Patuhi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah (HOSO) serta tatacara isolasi kendiri.
- 4 Inform (Maklum)**: Shows two people talking. Description: Maklumkan kepada semua kontak rapat anda supaya mereka memantau status kesihatan kendiri dan melakukan ujian COVID-19 sekiranya bergejala.
- 5 Seek (Dapatkan rawatan)**: Shows a hospital building. Description: Dapatkan penilaian atau rawatan segera sekiranya gejala bertambah teruk. Golongan berisiko tinggi, walaupun bergejala ringan juga dinasihatkan ke CAC atau fasiliti perubatan berhampiran agar dapat dibuat penilaian kesihatan dan kesesuaian pengambilan rawatan antiviral.

Agenda Nasional Malaria Sifarit **GEGAR** moh.gov.my **COMMS@MOH** **Dikemas kini: 8 Ogos 2022**

Sumber: Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia



Promosi

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, malah semua EB BSN juga mendapat manfaatnya, dalam bentuk komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan serta peluang untuk memenangi hadiah menarik yang ditawarkan melalui kempen yang dijalankan!

The banner features large, colorful '65' digits with a Malaysian flag motif. Below the digits, the word 'PULANGAN TUNAI' is visible. To the right, the text 'Raikan Malaysia Tercinta dengan Kad BSN' is displayed. A smaller text below states: 'Menangi RM6,500 pulangan tunai apabila anda belanja minimum RM100 dengan Kad Kredit BSN!'. The banner also includes a small illustration of a person holding a card, logos for HappyNow!, CIMB Clicks, and Maybank Clickpay, and a note about the competition period from 1 August 2022 to 30 September 2022.

Tahu tak, pelanggan boleh membayar tanpa tunai dengan menggunakan Kad BSN di premis EB BSN. Galakkan kepada pelanggan anda supaya dapat meningkatkan lagi transaksi di premis anda.

The banner features a vibrant background with a castle, balloons, and cars. The BSN SSP logo is prominently displayed. The text 'BSN SSP menyajikan RM 1 JUTA' is shown. To the right, the text 'BSN SSP menjadikan fantasi anda realiti' is displayed. A note at the bottom left says 'Kempen tamat: 31 Disember 2022'. A small note at the bottom right says 'Kempen tidak berjaya'.

Tahu tak, pelanggan boleh buka dan tambah simpanan BSN SSP premis EB BSN dan mereka berpeluang untuk memenangi cabutan istimewa BSN SSP bernilai RM1 juta. Promosikan berita hebat ini kepada pelanggan anda dan pada masa yang sama dapat meningkatkan transaksi di premis anda.

The banner features a woman smiling. The text 'Satukan Komitmen Anda & Menang!' is displayed. Two main prizes are highlighted: 'Hadiah Utama 1x Proton X50' and 'Hadiah Bulanan 3x PETRONAS Gift Card bernilai RM1,000 untuk setiap negeri'. A note at the bottom left says 'Eksklusif untuk Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit-i, BSN MyRinggit-i Professional dan BSN MyRinggit-i untuk Kakitangan Institusi Kewangan'. A note at the bottom right says 'Kempen tidak berjaya'.

Tahu tak, anda boleh satukan komitmen bulanan anda dan berpeluang untuk memenangi hadiah utama Proton X50 dengan Pembiayaan Peribadi BSN. Uar-uarkan kempen ini kepada pelanggan anda sekiranya mereka memerlukan perancangan kewangan yang lebih baik.

Premis EB BSN Sarawak Musnah Dijilat Api



Untuk makluman, premis EB BSN dari Sarawak iaitu Syarikat Cheng Hai Hang Motor Service telah mengalami bencana kebakaran kira-kira pada jam 2 pagi pada 28 Jun 2022 yang lalu. Bencana tersebut telah mengakibatkan premis berkenaan musnah teruk.

Pihak BSN prihatin atas bencana yang telah menimpa syarikat berkenaan. BSN telah menyalurkan bantuan kepada syarikat ini agar dapat meringankan sedikit beban yang dihadapi. Semoga syarikat tersebut diberi kekuatan dan semangat menghadapi dugaan ini.





Peraduan EB BSN

Peraduan Cari Perkataan & Menang!



Cari Perkataan Berikut:

- BSNSSP
- AKAUNGIRO
- TANPATUNAI
- PENGELUARAN
- PAPANTANDAEBBSN
- MUDAHDANSELAMAT
- KEDAIRUNCIT
- JIMATKOS
- MUDAHAKSES
- KADDEBITBSN
- SIMPANAN
- BAYARANBIL
- TAMBAHNILAI
- TERMINALPOS
- TRANSAKSIPERBANKAN
- BULETINEBBSN
- JIMATMASA
- WAKTUFLEKSIBEL
- RESITTRANSAKSI
- DALAMMASANYATA

Hadiah Pertama
BSN SSP RM300
X 1 pemenang

Hadiah Kedua
BSN SSP RM200
X 1 pemenang

Hadiah Ketiga
BSN SSP RM100
X 1 pemenang

Bagaimana untuk menyertai? Mudah sahaja! Ikuti langkah berikut:

- I. Lengkapkan aktiviti “Cari Perkataan” di atas.
- II. Emel jawapan “Cari Perkataan” yang lengkap kepada reezwan@bsn.com.my
- III. Tiga (3) Ejen Bank yang menghantar jawapan “Cari Perkataan” yang lengkap, betul dan terpantas akan dipilih untuk memenangi BSN SSP bernilai sehingga RM300!

Tarikh akhir penyertaan adalah pada 30 September 2022

Pemilihan pemenang akan dibuat di akhir tempoh peraduan. Senarai pemenang akan diumumkan dalam buletin EB BSN pada edisi akan datang.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN
& HARI MALAYSIA 2022**

